

500 gua di Merapoh unik, cantik mampu gamit pelancong

Oleh [Amir hamzah Nordin](#) - Januari 29, 2024 @ 10:31am
bhnews@bh.com.my



Pelancong berpeluang meneroka gua batu kapur yang terdapat di Merapoh. - Foto NSTP/MOHD RAFI MAMAT

MERAPOH, di Lipis, Pahang mempunyai kira-kira 500 gua yang berselerakan di kawasan yang boleh dijadikan produk pelancongan yang mampu menggamit pengunjung menerokainya.

Gua-gua terbabit juga sudah diisytiharkan sebagai Geopark Kebangsaan ke-11 pada Mesyuarat Geopark Kebangsaan, 9 November tahun lalu sekali gus yang terbesar di negara ini.

Penggiat alam sekitar, Sabrie Zoo, 43, berkata beliau memulakan pencarian gua di kawasan itu sejak 2011 dan hanya 187 sudah diterokai.

Beliau bersama TeamsSafe Merapoh Caves (TSMC) termasuk pemandu pelancong, malim gunung dan beberapa kumpulan sukarela mencari gua di kawasan itu secara sukarela tanpa dana kerana sayangkan persekitaran yang kaya dengan gua.

"Kami menjumpai dan masuk beberapa gua dan hanya membenarkan 12 gua dijadikan produk pelancongan dan boleh dilawati."

"Gua itu kami bahagikan gua mengikut kategori seperti untuk pendidikan dan penyelidikan, pengembaraan serta yang menjadi tarikan jurufoto profesional," katanya.

Sabrie berkata, gua paling mencabar dipanggil Gua Hari Malaysia dan Gua Bekong memerlukan kekuatan mendaki kira-kira setinggi 200 meter dan turun ke dalam gua menggunakan tali sedalam kira-kira 70 meter dan keluar mengikut laluan lain.

"Banyak gua yang cantik dan mendamaikan seperti gua seperti Gua Tahi Bintang, Jinjang Pelamin, Gua Satak dan Gua Air Mata Duyung."

"Bagi penggemar fotografi, Gua Hantu Menari tempat sesuai untuk merakamkan kecantikan gua yang unik, selain Gua Bukit Naga dan Gua Teluk Gunung," katanya.

Pelancong asing terpegun kecantikan gua

Lokasi kedudukannya berdekatan antara sama lain gua-gua dengan jaraknya kira-kira 10 minit berkenderaan dan kebanyakannya terletak di tepi jalan utama Lipis - Merapoh-Gua Musang.

"Pelancong kurang datang ke sini disebabkan kemudahan seperti tempat penginapan, sekiranya ada seperti asrama mungkin pengunjung akan menggunakan kemudahan itu dan tinggal lebih lama untuk meneroka gua di sini selain mengadakan aktiviti berkumpulan."

"Pelancong asing seperti Belanda, Jerman, Austria dan Croatia terpegun keindahan ketika berada di dalam gua kerana kecantikan dan keunikannya tiada di tempat lain," katanya.

Pemandu pelancong sepenuh masa itu menjelaskan, ada pelancong asing menyatakan kebanyakan gua perlu masuk ke bawah tanah, sebaliknya di Merapoh dan tempat lain di Malaysia memiliki gua yang 'muncul' dari tanah seperti berbukit.

Pemandu pelancong Merapoh, Husnan Husin, 41, berkata kira-kira 1,500 peserta mendaftar untuk menyertai Merapoh Rain Forest Trail Run, pada Mei depan.

Dijangka peserta dari 20 negara termasuk Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina, China dan Eropah menyertainya.

"Ia membabitkan pelbagai kategori jarak larian dan paling jauh 100 kilometer (km), bermula jam 10 malam, pada Jumaat dan tamat pada 10 malam Sabtu, iaitu dalam tempoh 24 jam, selain kategori jarak 25 km dan 50 km

"Peserta akan berlari dan meredah hutan, meranduk sungai, masuk dan melalui gua dan pelbagai halangan lain," katanya.

Ketika ini, penganjuran Merapoh Rain Forest Trail Run dijalankan oleh Persatuan Pencinta Alam Merapoh.

"Idea larian ini bertujuan memberi peluang peserta menghayati keindahan dan keunikan gua, selain mengetahui sejarah geologi lampau seperti bukit batu kapur seperti Gua Bama dan Gua Panjang, iaitu terdapat sempadan batuan berusia 250 juta tahun.

"Program Merapoh Rain Forest Trail Run ini sebagai persediaan mengangkat Lipis sebagai UNESCO Global Geopark, menjelang 2026 dapat direalisasikan sekiranya semua syarat dan kriteria dipenuhi," katanya.